

NOVEL - PELARI MUDA (PRAKTIS PERSOALAN)

Latihan

Padankan persoalan dengan huraian yang betul.

Huraian 1:

Contohnya, Kamarul menjadi sombong terhadap jurulatih dan rakan-rakannya selepas dia berjaya mewakili negara dalam Kejohanan Sukan SEA di Brunei

Huraian 2:

Contohnya, Suresh berlatih dengan dengan bersungguh-sungguh untuk meningkatkan kecergasan diri dan pencapaian sebagai persediaan menghadapi Sukan SEA di Bangkok.

Huraian 3:

Contohnya, Encik Kadir mengingatkan anak-anak didiknya akan kepentingan disiplin dalam membentuk diri seseorang menjadi lebih bertanggungjawab.

Huraian 4:

Contohnya, masalah yang dihadapi oleh Saridah dengan Kamarul menyebabkan Saridah tidak dapat menumpukan perhatian terhadap pelajarannya.

Huraian 5:

Contohnya, Juriah menasihati Saridah agar memberikan perhatian terhadap pelajaran daripada asyik mengingati masalahnya dengan Kamarul

Huraian 6:

Contohnya, Encik Kadir amat komited dengan tugas dan amanah yang dipikulnya dengan sering menasihati pelatih-pelatih di bawah kendaliannya.

Huraian 7:

Contohnya, Saridah berani menegur Kamarul yang telah bersikap sombong apabila menjadi seorang yang popular sehingga hubungannya dengan Kamarul menjadi tegang.

Huraian 8:

Contohnya, Adibah bersikap tegas terhadap Kamarul yang keluar dari bilik darjah sebelum waktu rehat walaupun dia mengetahui bahawa Kamarul seorang yang popular.

Ketegasan seorang ketua dalam mentadbir urus organisasi
Percintaan sewaktu bersekolah boleh menjejaskan prestasi akademik
Komitmen yang tinggi dalam menjalankan tugas dan amanah
Keberanian seorang sahabat menegur demi kebaikan
Kegigihan seorang atlet untuk meningkatkan prestasi diri
Pelajaran penting demi masa depan
Kepentingan disiplin diri yang tinggi dalam usaha mencapai kejayaan
Kemasyhuran diri yang menyebabkan seseorang lupa diri